



## PELANCARAN KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN AKTIVITI AIR PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2018



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) telah menganjurkan Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti Air Peringkat Negeri Perak di Taman Tasik Taiping pada 15 Ogos 2018 yang lalu. Kempen ini telah disempurnakan perasmiannya oleh YB Tuan Yong Choo Kiong, Exco Kerajaan Negeri Perak Bagi Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam Dan Kampung Baharu.

Kempen ini berobjektifkan untuk menangani insiden kejadian lemas di badan air yang semakin meningkat pada setiap tahun serta memupuk kesedaran masyarakat berhubung keselamatan dalam menjalankan aktiviti di badan air.

Kempen-kempen sebegini juga akan dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah, terutamanya beberapa hari sebelum cuti sekolah bermula. Kempen yang menyasarkan golongan kanak-kanak, remaja dan belia ini ingin memastikan informasi berguna dapat disampaikan kepada mereka supaya sentiasa berwaspada dan beringat semasa menjalankan aktiviti air di badan air.



Untuk rekod, sehingga Ogos 2018, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengenal pasti kawasan hotspots berdasarkan data kejadian mati lemas yang melibatkan kehadiran bomba. Sebanyak **12 kawasan berisiko tinggi dan 34 kawasan berisiko telah dikenal pasti** dan pihak bomba juga telah diarahkan untuk mengawasi **Kawasan Berisiko Tinggi** tersebut bagi tujuan kawalan keselamatan sepanjang cuti persekolahan. Dalam masa yang sama, pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berkaitan akan diminta memasang papan-papan tanda amaran dengan menggunakan simbol-simbol ISO supaya mudah difahami oleh semua pengunjung.

Statistik yang dikeluarkan oleh JBPM berkaitan insiden mati lemas telah meningkat daripada 260 kes pada tahun 2016 kepada 327 kes pada tahun 2017. Manakala angka kematian akibat lemas bagi 7 bulan pertama tahun 2018 (Januari - Jun) telah mencecah 186 kes, iaitu hampir sama dengan purata kes pada tahun 2017.

Sebagai langkah proaktif, KPKT juga telah mengambil langkah berikut untuk menangani peningkatan insiden kelemasan dengan mengkaji undang-undang yang bersesuaian dan menggubal undang-undang kecil bagi tujuan penguatkuasaan keselamatan di badan air dan rekreasi oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT). Selain itu turut menyediakan garis panduan berkaitan keselamatan di sebagai panduan untuk kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan - Garis Panduan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kolam Renang di kawasan PBT. Garis panduan ini dijangka dapat diumumkan pada awal tahun 2019 apabila ia sudah diluluskan di peringkat Jemaah Menteri dan dibentangkan di Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) pada bulan September nanti.

Selain daripada usaha-usaha yang telah dijalankan oleh MKAA, rakyat Malaysia mahupun pelancong juga diingatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dalam memastikan keselamatan semasa menjalankan apa-apa aktiviti yang melibatkan badan-badan air. Bagi ibu bapa, pemantauan terhadap aktiviti dan pergerakan anak-anak adalah amat penting memandangkan kejadian lemas yang berlaku di negara kita banyak melibatkan golongan kanak-kanak dan pelajar.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat